

UPM tawar 43 Kursus Kurikulum Berkredit

Berita
hariacn
21
Disember
2007.

PUSAT Kokurikulum Universiti Putra Malaysia (UPM) menawarkan 43 Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB), mulai Januari tahun depan.

Dalam satu kenyataan baru-baru ini, Unit Perhubungan Awam UPM berkata, kursus itu merangkumi tujuh komponen iaitu Wajadiri, Keusahawanan dan Teknologi, Sukan dan Rekreasi, Badan Beruniform, Keseharian dan Kebudayaan, Ketrampilan dan Kepimpinan, Kemasyarakatan dan Hubungan Komuniti.

Kursus itu mampu menjadi wadah pendedahan dalam usaha membantu pelajar mempersiapkan diri menghadapi persaingan serta cabaran apabila memasuki alam pekerjaan dengan berbekalkan kemahiran dalam bidang lain selain pengkhususan akademik mereka.

Bagi memastikan semua KKB itu dapat dilaksanakan dengan berkesan, UPM turut menganjurkan Bengkel Pemantapan Kemahiran Insaniah untuk fasilitator KKB baru-baru ini sebagai langkah mengemaskini pelaksanaan kursus berkenaan.

Penganjuran KKB adalah teras utama tanggungjawab Pusat Kokurikulum UPM yang ditubuhkan pada

Ogos tahun lalu bagi membantu melahirkan graduan berkualiti, berdaya saing dan berupaya terus maju menerusi pembelajaran berterusan.

Pusat Kokurikulum UPM turut bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi menganjurkan program kiosk keusahawanan bagi mendedahkan pelajar kepada dunia perniagaan.

Antara latihan yang disediakan adalah Latihan Keusahawanan Siswa, Kursus Asas Keusahawanan Siswa, Program Pembangunan Usahawan serta pembukaan Pusat Niaga Pelajar.

Lebih RM465,000 dibelanjakan bagi menganjurkan semua latihan berkenaan pada tahun ini, berbanding RM205,000 pada tahun lalu.

Kebajikan pelajar turut menjadi tanggungjawab unit itu dengan menyediakan bantuan kepada pelajar yang menghadapi masalah sepanjang pengajian.

Kira-kira RM350,000 dibelanjakan tahun ini untuk tujuan berkenaan termasuk bantuan kebajikan, tabung pinjaman, tabung amanah zakat, insurans serta sumbangan bagi pelajar yang meninggal dunia.